

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**  
**KAWASAN : DUNGUN**  
**TARIKH : 8 OKTOBER 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jaminan Kerajaan membaik pulih laluan 14 Jerangau - Jabor yang kerap kali berlaku kemalangan dan kesesakan terutama musim perayaan dan cuti persekolahan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum dan responsif terhadap aduan kualiti Jalan Persekutuan 14 dari Jerangau ke Jabor. Jalan tersebut merupakan salah satu daripada 2 laluan utama jalan persekutuan yang menghubungkan Kuantan – Kuala Terengganu selain Jalan Persekutuan 3 (melalui Chukai – Paka – Dungun).

Jalan Jerangau – Jabor melibatkan jarak perjalanan keseluruhan sepanjang 180km dan melalui 5 daerah, iaitu Kuantan, Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu, Marang dan Kuala Terengganu. Jalan tersebut dibina dengan spesifikasi reka bentuk 'single carriageway' di mana kelebaran setiap lorong ialah 3.5 meter. Berdasarkan Bancian Trafik Kebangsaan 2013, jumlah purata trafik yang menggunakan Jalan Jerangau – Jabor ialah sekitar 26,000 kenderaan sehari di mana daripada jumlah tersebut 45% terdiri daripada kenderaan perdagangan. Mengambil kira spesifikasi jalan sedia ada dan kapasiti trafik di laluan tersebut, had laju yang diwartakan ialah antara 60 – 70 km/jam sahaja.

Jumlah kenderaan di Jalan Jerangau – Jabor ini dijangka akan berkurangan berikutan dijangka berlaku peralihan aliran trafik ke Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 yang akan siap dan dibuka sepenuhnya pada akhir tahun 2014 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa memantau mengenai struktur jalan yang sering mengalami kerosakan di laluan tersebut. Ini disebabkan faktor bebanan kenderaan berat, khususnya kenderaan yang mengangkut biji besi di laluan dari Bukit Besi ke Kuantan.

Untuk tahun 2010 hingga 2014, kementerian ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM52 juta bagi tujuan memperkukuhkan struktur laluan yang mengalami kerosakan kritikal, terutama di daerah Hulu Terengganu dan Kemaman dengan jarak laluan sepanjang 58km. Di samping itu, kementerian ini juga telah mengenal pasti sepanjang 33km lagi untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih struktur jalan dengan anggaran kos peruntukan projek sebanyak RM45 juta. Skop projek ini termasuk menaik taraf lokasi kerap berlaku kemalangan atau 'blackspots'. Projek ini akan dimulakan sebaik sahaja kementerian ini menerima pengesahan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.